

## P.U. (A) 47.

## AKTA SARAAN HAKIM, 1971

*Akta 45.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 19 (2) Akta Saraan Hakim, 1971, Yang di-Pertuan Agong, setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara, dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut:

*Nama dan mula berkuatkuasa.*

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Saraan Hakim, 1975**, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb April, 1974.

*Pindaan bagi Jadual Kedua. Akta 45.*

2. Jadual Kedua kepada Akta Saraan Hakim, 1971, adalah dengan ini dipinda dengan memotong perenggan 1 dan menggantikannya dengan yang berikut—

“1. TEMPAT TINGGAL:

(i) *Ketua Hakim Negara dan Hakim-hakim Besar—*

Rumah khas percuma berperabut lengkap, seorang butler, dua orang tukang kebun, seorang penunggu rumah dan suatu peruntukan sebanyak \$1,000 setahun bagi menyenggara rumah dan kawasan hendaklah diadakan atau sebagai gantinya suatu elaun bulanan sebanyak \$650.

Keistimewaan atau elaun di atas hendaklah diberi atau dibayar dengan tidak mengira samada Ketua Hakim Negara atau seseorang Hakim Besar telah diberi suatu pinjaman di bawah Skim Pinjaman Perumahan yang dinyatakan dalam perenggan 11.

(ii) *Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi—*

Rumah khas percuma berperabut lengkap atau sebagai gantinya suatu elaun bulanan sebanyak \$650.

Keistimewaan atau elaun di atas hendaklah diberi atau dibayar dengan tidak mengira samada seseorang Hakim telah diberi suatu pinjaman di bawah Skim Pinjaman Perumahan yang dinyatakan dalam perenggan 11.”.

Bertarikh pada 11 haribulan Februari, 1975.  
[PM. (S) 10232/Jld. II; PN. (PU<sup>2</sup>) 91.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI ABDUL KADIR BIN SHAMSUDDIN,  
*Setiausaha kepada Jumaah Menteri*

## JUDGES' REMUNERATION ACT, 1971

*Act 45.*

IN exercise of the powers conferred by section 19 (2) of the Judges' Remuneration Act, 1971, the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Lord President, hereby makes the following regulations:

*Citation and commencement.*

1. These regulations may be cited as the **Judges' Remuneration Regulations, 1975**, and shall be deemed to have come into force on 1st April, 1974.

2. The Second Schedule to the Judges' Remuneration Act, 1971, is hereby amended by deleting paragraph 1 and substituting therefor the following—

Amendment  
of Second  
Schedule.  
Act 45.

"1. ACCOMMODATION:

(i) *Lord President and Chief Justices—*

Free fully furnished institutional quarters, one butler, two gardeners, one caretaker and a provision of \$1,000 per annum for house and grounds upkeep or in lieu thereof a monthly allowance of \$650.

The above privilege or allowance shall be accorded or paid notwithstanding that the Lord President or Chief Justice has been granted a loan under the House Loan Scheme referred to in paragraph 11.

(ii) *Judges of the Federal Court and the High Courts—*

Free fully furnished institutional quarters or in lieu thereof a monthly allowance of \$650.

The above privilege or allowance shall be accorded or paid notwithstanding that the Judge has been granted a loan under the Housing Loan Scheme referred to in paragraph 11."

Dated this 11th day of February, 1975.  
[PM. (S) 10232/Jld. II; PN. (PU<sup>2</sup>) 91.]

By Command,

TAN SRI ABDUL KADIR BIN SHAMSUDDIN,  
*Secretary to the Cabinet*

## P.U. (A) 48.

### PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PERKHIDMATAN AWAM), 1975

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Perkara 132 (3) (e) dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlembagaan (Perkhidmatan Awam), 1975**, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 hari-bulan Mac, 1975.

Nama dan  
mula berkuat-  
kuasa.

2. Jawatan kedutaan dalam perkhidmatan awam bagi Persekutuan yang dinyatakan dalam Jadual bersama ini adalah dengan ini ditetapkan sebagai suatu jawatan yang baginya peruntukan-peruntukan perenggan (e) fasal (3) Perkara 132 dalam Perlembagaan adalah dipakai:

Pemakaian  
Perkara  
132 (3) (e)  
Perlembagaan  
Persekutuan.

Dengan syarat bahawa orang yang ditetapkan untuk mengisi jawatan itu apabila mula berkuatkuasanya Perintah ini bolehlah dibayar apa-apa saraan sebagaimana yang diluluskan oleh Perdana Menteri mulai dari 5hb September, 1974.